



#### **Berita Terkini**

**Ceramah 《Mozambique: Sumber Utama Ruby – Menyelidik Keunikan Pembentukan Ruby dan Kesan-kesannya terhadap Perdagangan Ruby 》 daripada Gemological Institute of America (GIA)**

KUALA LUMPUR: Pameran Barangan Kemas yang terbesar - Malaysia International Jewellery Fair (MIJF) 2013 akan kembali pada 12 hingga 15 Julai 2013 (Jumaat–Isnin), dari pukul 11 pagi hingga 7 petang, di Kuala Lumpur Convention Centre.

Sempena dengan MIJF 2013, para penganjur dengan sukacita maklumkan bahawa pelancaran ceramah 《Mozambique: Asal usul Ruby – Menerokai keunikan Ruby dan kesan-kesannya terhadap Perdagangan Ruby》 pada 13 Julai, 2013 (Sabtu), dari pukul 3 petang hingga 4.30 petang. Ceramah yang berinformasi ini telah menjemput pengarah pendidikan Gemological Institute of America (GIA) Thailand Education, Dr. Laurent Massi untuk menyampaikan maklumat lanjut tentang sejarah pembentukan batu permata Ruby.

Pada akhir tahun 2008, perlombongan Ruby yang pertama telah diterokai di wilayah Niassa (Utara Mozambique). Penemuan Ruby yang kedua, ketiga dan berterusan turut-turut didapati di wilayah Cabo Delgado yang berhampiran dengan bandar Montepuez. Penemuan ini telah menyumbangkan perbilangan kualiti ke pasaran dalam jangka masa yang singkat. Dalam seminar ini, penceramah akan membincangkan kesan-kesan penemuan batu permata Ruby terhadap perdagangan terkini.

Ceramah ini terbuka kepada awam, perniaga barangan kemas, pemborong, pelajar kursus reka cipta barangan kemas, pempamer, pedagang profesional dan lain-lain. Kehadiran anda amat dihargai. Kemasukan adalah percuma! Hubungi penganjur hari ini untuk tempahan tempat duduk anda dalam ceramah ini! (Tel) +603 5891 1157 or (Emel) [info@eliteexpo.com.my](mailto:info@eliteexpo.com.my)